

15/09/1999

Akta lindungi mangsa Aids perlu diselaras

UNDANG-UNDANG bagi melindungi mangsa Aids perlu diselaras segera untuk mengelak penindasan majikan dan bagi menjamin hak asasi sebagai manusia, termasuk sebagai ibu atau bapa, tidak dicabuli.

Peningkatan luar biasa jumlah pesakit Aids di negara Komanwel menjadi faktor pendorong utama ia dijadikan salah satu topik perbincangan dalam Persidangan Undang-Undang Komanwel ke-12 yang masuk hari kedua hari ini.

Forum bertajuk Aids dan Undang-Undang: Adakah Perlindungan Untuk Mangsa Aids Memadai? menjawab beberapa persoalan penting mengenai status mangsa Aids dalam masyarakat yang lebih cenderung menyisihkan mereka.

Menteri Kesihatan Samoa, Misa Telefoni Retzlaff, berkata tanggapan negatif dan ketakutan terhadap penyakit itu mendorong masyarakat bertindak mengikut perasaan tanpa menghiraukan undang-undang.

"Stigma seumpama ini membuatkan pesakit Aids memencil diri dan berasa lebih selesa menunggu maut, manakala wanita dikenal pasti sebagai mangsa paling ramai menghadapi dilema ini.

"Tindakan proaktif, termasuk perundangan, perlu diselaras bagi mengakhiri fenomena negatif terbabit dan mangsa Aids sendiri perlu memainkan peranan bagi meningkatkan kesedaran ini di kalangan masyarakat," katanya.

Kira-kira 33 juta rakyat dunia dikenal pasti menghidap Aids dengan tiga juta kes baru dilaporkan setiap tahun, manakala jumlah kematian pula ialah 2.5 juta. Satu daripada setiap lima mangsa terbabit ialah kanak-kanak.

Sementara itu, Presiden Majlis Aids Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir, berkata statistik membuktikan bahawa kadar wanita yang menghidap Aids adalah jauh lebih tinggi daripada lelaki.

"Walaupun kebanyakan wanita terbabit hanya melakukan hubungan seks dengan satu pasangan mereka masih menjadi mangsa kerana pasangan mereka, lazimnya suami sering bertukar pasangan.

"Gejala ini berleluasa di negara Komanwel, khususnya di benua Afrika dan kebanyakan negara membangun di mana tahap kesedaran mengenai Aids masih terhad dan pemeriksaan serta khidmat perubatan tidak memadai.

"Sikap takut masyarakat terhadap penyakit berbahaya yang boleh membawa maut itu wajar dibendung menerusi perundangan jika perlu bagi memastikan sisa hidup mangsa dapat dimanfaatkan," katanya.

Berdasarkan jangkaan terbaru, antara 60 hingga 70 juta akan menghidap Aids menjelang akhir tahun 2000, 90 peratus daripadanya di negara membangun.

(END)